


SULIT*

2

Bahagian A

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.

- 1 Rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi sebuah negara yang mengeluarkan barang perkilangan dan barang pertanian.



Bagaimanakah negara ini boleh mencapai titik E?

- A menaikkan harga barang
 B pemberian subsidi oleh kerajaan
 C meningkatkan teknologi pengeluaran dalam semua sektor
 D pengurangan tarif ke atas barang import oleh kerajaan
- 2 Dalam sistem ekonomi pasaran, agihan pendapatan dalam ekonomi telah mempengaruhi penyelesaian masalah asas ekonomi.....
- A Apakah barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan?
 B Bagaimanakah barang dan perkhidmatan itu hendak dikeluarkan?
 C Berapa banyakkah barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan?
 D Untuk siapakah barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan?
- 3 Di antara berikut, yang manakah akan menyebabkan keluk permintaan sesuatu barang beralih ke kanan?
- A berlaku kejatuhan harga barang pengganti
 B jangkaan pengguna berlakunya kenaikan harga pada masa depan
 C harga barang itu sendiri jatuh
 D berlaku penurunan dalam tingkat pendapatan pengguna
- 4 Hubungan barang X dan barang Y ialah barang pengganti. Kenaikan harga dalam barang X akan mengalihkan
- A keluk penawaran barang X ke kiri
 B keluk permintaan barang X ke kanan
 C keluk permintaan barang Y ke kanan
 D keluk permintaan barang Y ke kiri

944/1

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPI 944/1 PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS STPM 2008
PKPSMPI PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSM EKONOMI
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSM KERTAS 1
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI
PKPSMPERLI (MIKROEKONOMI – ANEKA PILIHAN DAN ESEI)
PKPSMPERLI
PKPSMPERLI
PKPSMPERLI
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS



PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2008



ANJURAN BERSAMA PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS) DAN JABATAN PELAJARAN PERLIS

Arahan kepada calon:

Jawab **semua** dalam Bahagian A, **lima** soalan daripada Bahagian B, **dua** soalan daripada Bahagian C, dan **dua** soalan daripada Bahagian D

Ada **tiga puluh** soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat dan menandakannya pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Anda dinasihati supaya menjawab Bahagian A dalam masa satu jam yang pertama.

Gunakan lembaran kertas yang berasingan bagi tiap-tiap bahagian B, C dan D.

Tunjukkan semua perhitungan dan berikan jawapan anda betul sehingga dua tempat perpuluhan.

Markah untuk tiap-tiap soalan dalam bahagian B, C dan D diberikan dalam tanda kurung []

NOTA

Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.
Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan

Kertas soalan ini terdiri daripada 15 halaman bercetak.

© Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Perlis (PKPSM) & JPNP 2008

SULIT*

3

- 5 Jadual di bawah menunjukkan penawaran terhadap sesuatu barang oleh pengeluar.

| | | | | | |
|------------------------|----|----|----|-----|-----|
| Harga (RM) | 10 | 15 | 20 | 25 | 30 |
| Kuantiti (unit) | 32 | 57 | 82 | 107 | 132 |

Fungsi penawaran ialah.....

- A $Q_s = -18 - 10P$
 B $Q_s = -18 + 5P$
 C $Q_s = -32 + 5P$
 D $Q_s = -32 - 5P$

- 6 Persamaan permintaan dan penawaran untuk sesuatu barang diberikan sebagai:


$$Q_d = 20 - 2P,$$

$$Q_s = 4 + 2P$$

dengan P = harga (RM),
 Q_d = kuantiti diminta (unit),
 Q_s = kuantiti ditawarkan (unit).

Pilih pernyataan yang **benar**.

- A Harga dan kuantiti keseimbangan ialah RM12.00 dan 4 unit.
 B Pada harga RM2.00, terdapat lebih penawaran sebanyak 8 unit.
 C Harga dan kuantiti keseimbangan ialah RM4.00 dan 12 unit.
 D Pada harga RM5.00 terdapat lebih permintaan sebanyak 4 unit.
- 7 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran bagi perusahaan tayar.



Peralihan keluk dari S_0S_0 ke S_1S_1 disebabkan oleh faktor-faktor berikut *kecuali*.....

- A kenaikan harga tayar
 B kejatuhan harga getah
 C peningkatan teknologi dalam pengeluaran tayar
 D peningkatan pemberian subsidi oleh kerajaan terhadap pengeluaran tayar

944/1

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

4

- 8 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang diminta.

| Harga (RM) | Kuantiti yang diminta (unit) |
|------------|------------------------------|
| 20.00 | 20 |
| 16.00 | 40 |
| 12.00 | 60 |
| 8.00 | 80 |
| 4.00 | 100 |

Jika $Q_s = 24 + 3P$, dengan Q_s sebagai kuantiti ditawarkan dan P sebagai tingkat harga, berapakah harga keseimbangan pasaran?

- A RM11.00
 B RM12.00
 C RM13.00
 D RM14.00
- 9 Jika nilai keanjalan permintaan bagi sesuatu barang adalah -1.5, ini bermakna.....
- A kejatuhan harga sebanyak 1% akan meningkatkan kuantiti diminta sebanyak 1.5%
 B kejatuhan harga sebanyak 1% akan meningkatkan kuantiti diminta sebanyak 15%
 C kejatuhan harga sebanyak 1% tidak akan membawa perubahan terhadap kuantiti diminta
 D kejatuhan harga sebanyak 1.5% akan meningkatkan kuantiti diminta sebanyak 1%
- 10 Nilai pekali keanjalan permintaan penting kerana.....
- A pengeluar boleh mengetahui tindak balas pengguna terhadap perubahan harga.
 B pengguna boleh menambah atau mengurangkan jumlah permintaan di pasaran.
 C pengeluar boleh mengukur kecekapan pengeluaran dan tingkat keuntungan maksimum.
 D pengguna boleh mengetahui perubahan harga dan mudah membuat anggaran belanjawan.

944/1


SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

5

- 11 Dalam gambar rajah di bawah, DD ialah keluk permintaan. Fungsi permintaan ialah $Q_d = 10 - 2P$ dengan Q_d ialah kuantiti yang diminta dan P ialah harga.




Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila berlaku pergerakan dari titik J ke titik K?

- A 0.25
 B 0.67
 C 1.00
 D 4.00
- 12 Apabila pendapatan meningkat daripada RM80 kepada RM120, kuantiti barang X yang diminta meningkat daripada 5 unit kepada 10 unit. Berapakah keanjalan pendapatan permintaan dan apakah jenis barang yang diminta?
- A 2 : barang mewah
 B 2 : barang perlu
 C -2 : barang mewah
 D 2 : barang bawahan
- 13 Utiliti sut merujuk kepada.....
- A perubahan utiliti akibat perubahan penggunaan
 B perubahan utiliti akibat perubahan satu unit penggunaan
 C perubahan penggunaan akibat tambahan satu unit utiliti
 D perubahan utiliti akibat perubahan permintaan di pasaran.

SULIT*


6

- 14 Gambar rajah di bawah menunjukkan hubungan antara jumlah utiliti dengan kuantiti sesuatu barang yang digunakan.



Pilih pernyataan yang **benar** tentang gambar rajah di atas.

- A Pada kuantiti Q, utiliti sut negatif
 - B Pada kuantiti Q, utiliti sut sifar
 - C Pada kuantiti selepas Q, utiliti sut positif
 - D Pada kuantiti sebelum Q, utiliti sut sifar
- 15 Dalam gambar rajah di bawah, keseimbangan asal di pasaran barang X di capai pada titik E_0 . Kesan dari pertambahan penawaran, keseimbangan pasaran barang X beralih ke E_1 .



Perubahan keseimbangan tersebut menyebabkan lebih pengguna bertambah sebanyak

- A RM360.00
- B RM180.00
- C RM120.00
- D RM100.00

SULIT*

7

16 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** kos tetap?

- A Sewa bangunan
- B Bunga atas pinjaman
- C Gaji kakitangan pentadbiran
- D Perbelanjaan ke atas bahan-bahan mentah

17 Jadual di bawah menunjukkan kos purata pada pelbagai tingkat output.

| Output (unit) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-----------------|----|----|----|----|----|
| Kos purata (RM) | 18 | 16 | 14 | 16 | 20 |


Kos sut bagi firma ini lebih tinggi daripada kos purata selepas tingkat output.....

- A 1 unit
- B 2 unit
- C 3 unit
- D 4 unit

18 Keluk kos purata jangka pendek berbentuk 'U' disebabkan oleh

- A ekonomi bidangan
- B tak ekonomi bidangan
- C berlaku kecekapan pengeluaran
- D hukum pulangan berkurangan

19 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos purata jangka panjang.



Peralihan keluk kos purata dari LAC₁ ke LAC₂ berpunca daripada

- A kegagalan teknik pemasaran
- B kesesakan firma dalam industri
- C ketidakcekapan pengurusan firma
- D kegagalan aktiviti persaingan bukan harga

944/1

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

8

20 Jadual di bawah menunjukkan kos berubah bagi pengeluaran barang X.

| | | | | | | | |
|-------------------------|---|----|----|----|----|-----|-----|
| Barang X (unit) | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| Kos berubah (RM) | 0 | 30 | 50 | 60 | 90 | 130 | 186 |

Jika kos tetap ialah RM30.00, berapakah tingkat keluaran apabila kos sut menyamai kos purata?

- A 2 unit
 B 3 unit
 C 4 unit
 D 5 unit
- 21 Sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna mengalami keseimbangan apabila $AC = RM5.00$ dan $AR = RM6.00$. Jika untung yang diperoleh ialah RM60.00, berapakah kuantiti keluaran keseimbangan .
- A 10 unit
 B 12 unit
 C 24 unit
 D 60 unit
- 22 Kecekapan pengeluaran yang optimum dalam pasaran persaingan sempurna dicapai apabila.....
- A hasil sut sama dengan kos sut dan harga lebih tinggi daripada kos purata minimum
 B hasil sut sama dengan kos sut dan harga sama dengan kos purata minimum
 C hasil sut sama dengan kos sut dan harga lebih kecil dari kos sut.
 D hasil sama dengan kos sut dan harga lebih besar dari kos sut
- 23 Sebuah monopoli semulajadi adalah.....
- A firma monopoli yang wujud daripada firma dalam industri pasaran persaingan sempurna
 B firma yang mampu mengeluarkan barangan yang tiada hadnya
 C firma yang mengeluarkan barangannya berasaskan sumber semulajadi
 D firma yang mempunyai kecekapan pengeluaran yang tinggi dan kos menurun
- 24 Dalam keadaan manakah firma monopoli tulen dikatakan lebih baik daripada firma pasaran persaingan sempurna?
- A keuntungan yang di peroleh monopoli tidak terlalu banyak
 B kos per unit keluaran berkurang apabila keluaran ditambah
 C teknologi pengeluaran yang tidak memerlukan kemahiran khusus
 D pengeluaran tertentu yang memerlukan jangka masa panjang untuk dihasilkan

944/1


SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

9

- 25 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk-keluk kos dan hasil bagi sebuah firma monopoli.



Berdasarkan gambar rajah di atas, berapakah jumlah untung yang diperolehi oleh firma ini?

- A RM40.00
 B RM100.00
 C RM140.00
 D RM240.00
- 26 Lebihan keupayaan yang berlaku di pasaran persaingan bermonopoli disebabkan oleh
- A persaingan bukan harga
 B output berada pada $MC = MR$
 C firma berkuasa menentukan harga barang
 D output berada pada tingkat sebelum kos purata minimum
- 27 Jika keluk permintaan faktor pengeluaran tidak berubah, semakin tak anjal keluk penawaran faktor, maka.....
- A sewa ekonomi bertambah
 B sewa ekonomi berkurang
 C sewa kuasi bertambah
 D perolehan pindahan bertambah
- 28 Antara berikut, yang manakah menunjukkan untung perakaunan?
- A jumlah hasil tolak sewa milik usahawan
 B jumlah hasil tolak upah buruh tolak kos bahan mentah
 C jumlah hasil tolak upah buruh tolak sewa tapak milik usahawan
 D jumlah hasil tolak upah buruh tolak kos bahan mentah tolak sewa tapak milik usahawan.

944/1

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat


SULIT*

10

29 Dasar kerajaan menetapkan harga maksimum menyebabkan

- A berlaku lebih penawaran dan harga akan jatuh
- B kuantiti yang diminta kurang daripada kuantiti yang ditawarkan
- C harga yang ditetapkan lebih rendah daripada harga di pasaran
- D harga yang ditetapkan lebih tinggi daripada harga di pasaran.

30 Gambar rajah di bawah menunjukkan titik E_0 dan E_1 adalah titik keseimbangan untuk suatu barang sebelum dan selepas dikenakan cukai.



Cukai yang dibayar oleh pengeluar ialah sebanyak.....

- A RM40.00
- B RM80.00
- C RM120.00
- D RM240.00

SULIT*

11

Bahagian B (30 markah)

Jawab lima soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 50 minit untuk menjawab bahagian ini.

1. Dengan menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran, terangkan konsep pilihan dan kos lepas [6]
2. Huraikan tiga faktor yang menyebabkan penawaran sesuatu barang meningkat. [6]
3. ' Nilai keanjalan permintaan pendapatan dapat menentukan jenis-jenis barang '.
Terangkan pernyataan ini. [6]
4. (a) Nyatakan dua syarat keseimbangan pengguna yang menggunakan barang A dan barang B. [2]
(b) Terangkan secara ringkas tindakan pengguna sekiranya berlaku kemerosotan harga barang A. [4]
- 5 Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan mengapa firma pasaran persaingan sempurna yang mengalami kerugian masih boleh meneruskan operasinya dalam jangka pendek. [6]
- 6 Terangkan **tiga** sebab mengapa kerajaan perlu mengawal firma monopoli . [6]
- 7 Mengapakah firma pasaran bermonopoli tidak mencapai kecekapan peruntukan walaupun mendapat untung lebih normal dalam jangka pendek? [6]
8. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kadar bunga nominal dan kadar bunga benar? [2]
(b) Terangkan dua faktor yang menyebabkan perbezaan tingkat kadar bunga di pasaran, [4]

944/1

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

12

Bahagian C (20 markah)

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 35 minit untuk menjawab bahagian ini.

- 9 Sistem ekonomi campuran dapat menyelesaikan kelemahan-kelemahan sistem ekonomi kapitalis. Terangkan. [10]
- 10 Dengan menggunakan gambar rajah, huraikan kesan terhadap permintaan beras tempatan sekiranya :
- (i) berlaku kenaikan harga beras tempatan
 - (ii) cukai import beras dikurangkan [10]
- 11 Dengan bantuan gambar rajah, terangkan kesan yang berlaku apabila firma pasaran persaingan sempurna berubah menjadi firma monopoli dari segi
- (a) output
 - (b) harga
 - (c) kecekapan firma
 - (d) keuntungan firma [10]
- 12 (a) Dengan bantuan gambar rajah, huraikan bagaimanakah upah keseimbangan ditentukan dalam pasaran persaingan sempurna. [4]
- (b) Dengan memberikan gambar rajah yang sesuai, bincangkan setiap perkara berikut terhadap keseimbangan pasaran buruh:
- (i) Umur bersara wajib dilanjutkan daripada 55 tahun kepada 60 tahun
 - (ii) Latihan kemahiran buruh dipertingkatkan [6]

944/1

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

13

Bahagian D: [20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 35 minit untuk menjawab bahagian ini.

13 Fungsi permintaan dan penawaran barang X adalah seperti berikut.

$$Q_d = 70 - 2P$$

$$Q_s = 3P$$

dengan P = harga barang X (RM)

Q_d = kuantiti yang diminta (unit)

Q_s = kuantiti yang di tawar (unit)

- (a) Hitungkan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran barang X. [3]
- (b) Sediakan jadual yang menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan pada pelbagai tingkat harga, RM30, RM25, RM20, RM15 dan RM10. [2]
- (c) Jika fungsi permintaan berubah menjadi $60 - 2P$, hitung harga dan kuantiti keseimbangan yang baru. [2]
- (d) Berdasarkan jawapan anda pada soalan (c), nyatakan apa yang terjadi kepada keluk permintaan, tingkat harga dan kuantiti keseimbangan. [3]

SULIT*

14

- 14 Jadual di bawah menunjukkan jumlah utiliti sut bagi dua jenis barang pada setiap jumlah kuantiti yang dibeli.

| Kuantiti (unit) | Utiliti sut X | Utiliti sut Y |
|-----------------|---------------|---------------|
| 1 | 260 | 300 |
| 2 | 230 | 260 |
| 3 | 210 | 240 |
| 4 | 180 | 200 |
| 5 | 160 | 160 |
| 6 | 120 | 130 |
| 7 | 90 | 100 |
| 8 | 80 | 80 |
| 9 | 60 | 70 |
| 10 | 50 | 50 |

Jika harga X ialah RM15.00 dan harga Y ialah RM30.00,

- (a) Hitung utiliti sut per ringgit (RM) bagi buku dan baju, [4]
- (b) Pada tingkat keseimbangan pula, nyatakan kuantiti X dan Y yang dibeli oleh seorang pengguna jika pendapatannya RM180.00, [3]
- (c) Hitung jumlah utiliti yang diperolehi pada tingkat keseimbangan [3]

SULIT*

15

15 Jadual di bawah menunjukkan jumlah hasil dan jumlah kos sebuah firma monopoli.

| Keluaran (unit) | Jumlah hasil (RM) | Jumlah Kos (RM) |
|--------------------|----------------------|--------------------|
| 1 | 78 | 55 |
| 2 | 129 | 77 |
| 3 | 154 | 97 |
| 4 | 153 | 132 |
| 5 | 125 | 201 |
| 6 | 73 | 337 |

(a) Hitung hasil purata, hasil sut, kos purata dan kos sut bagi setiap tingkat keluaran. [4]

(b) Dengan menggunakan kertas graf yang sama, lukis keluk hasil purata, keluk hasil sut, keluk kos purata dan keluk kos sut. [4]

(c) Dengan merujuk kepada gambar rajah yang dilukis, hitung jumlah keuntungan firma. [2]

16. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti buruh yang diminta dan ditawarkan dalam sebuah industri

| | | | | | | |
|-------------------------------------|----|----|----|----|----|----|
| Upah (RM per unit buruh) | 10 | 20 | 30 | 40 | 50 | 60 |
| Kuantiti buruh diminta (unit) | 80 | 70 | 60 | 50 | 40 | 30 |
| Kuantiti buruh ditawarkan (unit) | 20 | 30 | 40 | 50 | 60 | 70 |

(a) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan dan keluk penawaran buruh. Nyatakan kuantiti buruh dan upah keseimbangan. [3]

(b) Jika kerajaan menetapkan upah minimum pada RM 50.00, huraikan kesan tindakan ini terhadap penggunaan buruh dalam industri. [3]

(c) Sekiranya keluaran hasil sut meningkat sebanyak 20 %,

(i) Lukis keluk permintaan buruh yang baru pada graf yang sama dengan (a) [2]

(ii) Tentukan kuantiti buruh dan upah di pasaran jika dasar upah minimum dilaksanakan. [2]

KERTAS SOALAN TAMAT

944/1

SULIT*

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat